

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah kajian pelaksanaan pilihan raya Kerajaan tempatan setakat ini. Bilakah Kementerian membentangkan pindaan akta-akta berkaitan dengan pilihan raya Kerajaan tempatan terdahulu sebelum memulihkannya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah memutuskan untuk tidak melaksanakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan yang merupakan Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan. Walau bagaimanapun, agenda pemerksaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan diteruskan melalui pindaan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] berkaitan seksyen penguatkuasaan PBT, pemerksaan Ahli Majlis PBT dan cadangan semakan semula seksyen berkaitan kadar dan nilai PBT. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan mengadakan sesi libat urus dengan semua pemegang taruh dalam usaha untuk memperkasakan penyampaian perkhidmatan di PBT.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah permohonan Program Subsidi Upah (PSU) yang diterima dan dilulus setakat in mengikut saiz perusahaan dan jumlah keseluruhan peruntukan serta pekerja dan majikan yang terlibat. Adakah Kerajaan mempertimbangkan pemberian jumlah subsidi yang lebih besar atau memperluaskan kepada pekerja yang bergaji bulanan melebihi RM4,000.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia, sehingga 20 November 2020, Program Subsidi Upah (PSU) telah menerima sebanyak 331,950 permohonan daripada majikan yang meliputi 2.72 juta orang pekerja. Jumlah keseluruhan bayaran bagi PSU adalah sejumlah RM12.29 bilion. Pecahan permohonan PSU berdasarkan sektor adalah seperti berikut:

BIL.	SEKTOR	MAJIKAN	PEKERJA
1	Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	10301	79834
2	Perlombongan dan Pengkuarian	1290	13585
3	Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	59361	431023
4	Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti sosial wajib	318	8964
5	Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	21950	200221
6	Pengangkutan dan penyimpanan	13045	130839
7	Pendidikan	12191	107925
8	Pembuatan	28918	455704
9	Pembinaan	29651	203011
10	Maklumat dan komunikasi	6792	46888
11	Kesenian, hiburan dan rekreasi	4051	31262
12	Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	6100	39142
13	Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	1651	14909
14	Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	18563	105673
15	Aktiviti perkhidmatan lain	95303	712745
16	Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	3032	24522
17	Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	6283	29025
18	Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	6551	47899
19	Aktiviti isi rumah sebagai majikan; Aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan	1890	12282
20	Aktiviti hartanah	4167	26232
21	Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah	475	2953
22	Dalam Semakan	67	523
JUMLAH KESELURUHAN		331,950	2,725,161

SOALAN NO : 499

2. Dalam usaha membantu majikan yang terkesan akibat COVID-19, Kerajaan telah mengambil inisiatif penambahbaikan supaya dapat membantu majikan meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan bagi semua sektor perusahaan. Kerajaan juga telah melaksanakan PSU dengan kadar RM600 sebulan untuk tempoh 3 bulan mulai April 2020 di bawah Pakej PRIHATIN.

3. Seterusnya, setelah mengambil kira pandangan pelbagai pihak, Kerajaan telah membuat keputusan untuk menambah baik PSU di bawah Pakej PRIHATIN PKS Tambahan iaitu berdasarkan saiz perusahaan dengan kadar antara RM600 hingga RM1,200 sebulan. Pada 5 Jun 2020, PSU telah dilanjutkan lagi untuk tempoh 3 bulan mulai Julai 2020 dan berakhir pada bulan September 2020.

4. Pada 23 September 2020, Kerajaan telah mengumumkan satu lagi pakej rangsangan yang dikenali sebagai Pakej KITA PRIHATIN yang membawa kepada pelaksanaan Program Subsidi Upah 2.0 (PSU 2.0) dengan melibatkan dana berjumlah RM2.4 bilion. PSU 2.0 ini dilanjutkan untuk 3 bulan lagi mulai Oktober sehingga Disember tahun ini.

5. Bagi PSU 2.0, PERKESO telah menerima sebanyak 73,795 permohonan daripada majikan yang meliputi 740, 279 orang pekerja. Jumlah keseluruhan bayaran bagi PSU 2.0 pula adalah sejumlah RM164.26 juta. Pecahan permohonan PSU 2.0 berdasarkan sektor pula adalah seperti berikut:

BIL.	SEKTOR	MAJIKAN	PEKERJA
1	Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	1442	13558
2	Perlombongan dan Pengkuarian	257	3150
3	Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	9748	85745
4	Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti sosial wajib	62	2283
5	Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	6517	86693
6	Pengangkutan dan penyimpanan	2651	35099
7	Pendidikan	4060	38581

SOALAN NO : 499

8	Pembuatan	6551	114200
9	Pembinaan	6811	54016
10	Maklumat dan komunikasi	1663	14318
11	Kesenian, hiburan dan rekreasi	1398	13397
12	Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	1276	10047
13	Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemuliharaan	344	4160
14	Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	4106	27404
15	Aktiviti perkhidmatan lain	22536	203129
16	Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	698	6388
17	Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	1102	6979
18	Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	1168	10457
19	Aktiviti isi rumah sebagai majikan; Aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan	363	2274
20	Aktiviti hartanah	922	7426
21	Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah	105	859
22	Dalam semakan	15	116
JUMLAH KESELURUHAN		73795	740279

6. Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat, melalui **Belanjawan 2021**, Kerajaan akan **melanjutkan pelaksanaan PSU selama tiga bulan lagi dengan lebih bersasar**, khususnya bagi sektor pelancongan termasuk sektor peruncitan dengan kadar RM600 sebulan bagi pekerja bergaji RM4,000 dan ke bawah. Selain itu, had **200 pekerja** bagi setiap permohonan akan ditingkatkan kepada **500 pekerja** bagi syarikat-syarikat besar di bawah **sektor pelancongan**. Sebanyak **RM1.5 billion** diperuntukkan dan dijangka dapat membantu kira-kira 70 ribu majikan dan 900 ribu pekerja. Selanjutnya dalam PenjanaKerjaya, insentif untuk pekerja bergaji RM1,500 ke atas akan dinaikkan daripada kadar rata RM800 sebulan, kepada 40 peratus daripada gaji bulanan.

7. Pihak Kerajaan sentiasa prihatin terhadap semua lapisan pekerja tanpa mengira kadar pendapatan dan PERKESO akan mengkaji dari semasa ke semasa untuk menyediakan liputan keselamatan sosial yang lebih inklusif dan menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan pihak Kementerian memperoleh kertas pejabat yang diperakui oleh PEFC yang dihasilkan oleh pengeluar Indonesia yang terlibat dalam penebangan hutan, adakah pihak Kerajaan akan bersetuju untuk hanya memperoleh kertas yang diperakui oleh FSC yang diiktiraf oleh WWF.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Perolehan Kontrak Pusat Membekal dan Menghantar Kertas A4 Putih 80 gsm Untuk Kegunaan Semua Agensi Kerajaan Di Semenanjung Malaysia telah dilaksanakan secara tender terbuka di kalangan syarikat pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) di bawah kod bidang Kertas (010201). Spesifikasi yang ditetapkan pula adalah selaras dengan dasar-dasar semasa Kerajaan pada masa itu dan memenuhi piawaian Standard Malaysia (MS) atau mana-mana Standard Antarabangsa yang diiktiraf oleh Kerajaan. Item tersebut telah menerima pensijilan SIRIM Eco-Label dan MyHijau Mark oleh Malaysian Green Technology and Climate Centre (MGTC) yang memberi pengiktirafan terhadap produk yang memenuhi kriteria standard global alam sekitar.

2. Sehubungan itu, MOF bersedia untuk mengkaji keperluan memenuhi pensijilan *Programme for the Endorsement of Forest Certification* (PEFC)/*Forest Stewardship Council* (FSC) sekiranya Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) selaku Kementerian yang bertanggungjawab ke atas polisi alam sekitar negara bersetuju dengan langkah piawaian pengeluaran produk tersebut ke arah pengurusan hutan secara lestari.

Sekian, terima kasih.